

BAB 4

BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

4.0 PENDAHULUAN.

Bab ini disediakan adalah untuk membicarakan secara terperinci dapatan kajian bagi disertasi yang bertajuk Penguasaan Maşdar : Satu Kajian Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab Di IPTS Perak. Kajian ini dijalankan berdasarkan metodologi yang telah diterangkan oleh penulis di dalam Bab 3. Segala maklumat berkaitan soal selidik, ujian dan temubual diterangkan di dalam bab ini.

4.1 ANALISIS UJIAN.

Setelah penulis menjalankan ujian terhadap responden yang dipilih secara rawak terhadap kefahaman dan kebolehan mereka berkaitan maşdar maka satu keputusan telah dicapai. Secara keseluruhan responden ini dianggap sederhana berdasarkan markah yang mereka perolehi hasil dari ujian tersebut.

Markah tersebut diambil dari tujuh soalan besar yang masing-masing mempunyai aspek tertentu seperti yang telah diterangkan oleh penulis dalam bab yang lalu. Markah yang dikumpul adalah hasil dari jumlah semua markah bagi setiap soalan di dalam ujian.

Sebelum Ujian dijalankan penulis telah menetapkan pencapaian berdasarkan markah yang diperolehi dalam ujian ini. Setiap golongan markah mewakili setiap tahap. Iaitu terdapat beberapa tahap yang telah ditetapkan seperti tahap yang biasa digunakan di dalam peperiksaan yang lain. Jadual tahap pemarkahan adalah seperti berikut:

Jadual 4.1.0.1: Tahap Pencapaian

Bil	Markah	Tahap
1	80 - 100%	Cemerlang
2	60 - 79%	Sangat Baik
3	40 - 59%	Baik
4	20 - 39%	Lemah
5	0 - 19%	Amat Lemah

Setelah menetapkan tahap permarkahan hasil dapatan kajian yang diperolehi diasingkan mengikut tahap pencapaian pelajar. Setiap pencapaian menunjukkan kebolehan pelajar menguasai maşdar . Setelah di analisis penulis menunjukkan keputusan secara keseluruhan seperti jadual di bawah:

Jadual keputusan keseluruhan ujian tahap penguasaan maşdar :

Jadual 4.1.0.2: Keputusan keseluruhan ujian

Bil	Bilangan pelajar	Keputusan	Peratus
1	1 Orang	80 – 100	2%
2	11 Orang	60 – 79	26%
3	21 Orang	40 – 59	50%
4	5 Orang	20 – 39	12%
5	4 Orang	0 - 19	10%


Berdasarkan jadual di atas ia menunjukkan tahap pencapaian yang melebihi 80% markah dari ujian yang dijalankan hanya 1 orang iaitu 2% dari keseluruhan bilangan responden. Manakala responden yang berjaya mencapai 60% keatas dan tidak melebihi 79% markah ujian tersebut adalah sebanyak 26% iaitu seramai 11 orang responden. Bilangan pelajar yang mendapat markah sekitar 40% hingga 59% merupakan bilangan yang tertinggi di dalam keputusan ujian ini. Ia menunjukkan seramai 50% atau separuh dari pelajar yang menjadi responden mendapat markah dalam lingkungan tersebut iaitu bilangan

responden adalah seramai 21 orang. Seterusnya seramai 5 orang iaitu 12% dari kesemua responden yang mencapai markah 20% hingga 39%. Manakala tahap yang paling lemah adalah seramai 4 orang iaitu responden yang mendapat markah dalam lingkungan 0% hingga 19%.

Keputusan ini memberi kesimpulan bahawa tahap pencapaian pelajar terhadap maşdar di Kolej Islam Darul Ridzuan adalah sederhana. Ini adalah kerana pelajar yang mencapai tahap baik mendominasi keputusan keseluruhan pelajar dengan bilangan sebanyak 50%. Secara ringkasnya sebanyak 78% pelajar yang mencapai tahap lulus iaitu seramai 33 orang. Iaitu gabungan dari pelajar yang mendapat markah 40% ke atas.

Walaupun begitu terdapat pelajar yang dianggap gagal di dalam ujian ini, sebanyak 9 orang pelajar yang mencapai markah 39% ke bawah. Jadual di atas menunjukkan seramai 5 orang mencapai tahap lemah dan 4 orang mencapai tahap sangat lemah dalam hasil dapatan ini.

Sebagai lampiran penulis melampirkan carta pai bagi melihat peratusan dan bilangan keputusan ujian dalam kajian ini.



Rajah 4.1.0.3. Carta keputusan keseluruhan ujian

4.1.1 Analisis Ujian Mengikut Bab.

Setelah mendapat hasil kajian penulis dapat melihat bahawa terdapat beberapa bab atau bahagian dalam tajuk maşdar ini yang tidak dapat dikuasai oleh pelajar. Penulis menilai pencapaian tersebut berdasarkan bahagian-bahagian yang telah diasingkan di dalam soalan ujian. Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 4.1.1.1: Pembahagian soalan

Bil.	Bahagian	Bilangan Soalan
1	Pembentukan Maşdar Thulāthī Mujarrad	5
2	Penukaran Maşdar kepada Fi‘l Māđi	5
3	Pembentukan Maşdar dari Fi‘l Māđi Thulāthī Mazīd (1 Huruf)	3
4	Pembentukan Maşdar dari Fi‘l Māđi Thulāthī Mazīd (2 Huruf)	5
5	Pembentukan Maşdar dari Fi‘l Māđi Thulāthī Mazīd	2

	(3 Huruf)	
6	Pembentukan Wazan bagi Maṣḍar Rubā‘ī Mujarrad	5
7	Penukaran Maṣḍar Thulāthī Mazīd (1,2 Dan 3 Huruf) kepada Fi‘l Māḍi	10
8	Terjemahan Fi‘l Thulāthī Mazīd	5
9	Pembentukan Maṣḍar Mīmī	5

Pembahagian ini amat penting kerana ia membantu penulis untuk menganalisis dengan lebih mendalam kefahaman sebenar pelajar terhadap bahagian-bahagian ini. Bahagian-bahagian ini akan diterangkan secara terperinci di dalam bab 4 ini.

1) Bahagian 1: Pembentukan Maṣḍar Thulāthī Mujarrad.

Sebanyak lima soalan dibekalkan kepada pelajar untuk menjawab di dalam bahagian ini. Soalan ini menuntut pelajar untuk menukarkan fi‘l māḍi thulāthī mujarrad kepada maṣḍarnya dengan tepat. Setiap fi‘l tersebut ditulis di dalam potongan ayat bagi memudahkan pelajar untuk memahami konteks ayat.

Hasil dapatan dari ujian bahagian ini adalah seperti jadual dibawah:

Jadual 4.1.1.2: Keputusan Bahagian Pertama.

Bil	Pencapaian	Bilangan pelajar	Peratus
1	Markah 0/5	17	40%
2	Markah 1/5	11	26%
3	Markah 2/5	8	19%
4	Markah 3/5	4	10%
5	Markah 4/5	1	2%
6	Markah 5/5	1	2%

Berdasarkan jadual di atas, penulis dapat membuat keputusan bahawa para pelajar secara keseluruhannya lemah dalam membentuk maṣḍar dari fi‘l thulāthī

mujarrad. Rumusan ini dibuat adalah kerana seramai 36 orang mencapai 2/5 ke bawah. Ia juga menunjukkan sebanyak 85% dari keseluruhan pelajar gagal untuk membentuk maṣḍar dari fi'1 yang diberikan. Manakala hanya 10% yang mencapai 3/5 dari soalan dan bagi markah 4/5 dan 5/5 masing- masing diwakili seorang.


Contoh yang jelas dapat diperhatikan kepada soalan pertama iaitu sebilangan besar dari responden gagal menukar kalimah " نَفَرَ " (nafara) kepada maṣḍar yang tepat iaitu " نَفَّارًا " (nifāran) hampir 67% dari keseluruhan pelajar memberi jawapan yang tidak tepat. Kemampuan pelajar dapat dilihat dengan lebih jelas apabila soalan yang terakhir dalam bab ini. Soalan tersebut adalah menukar kalimah fi'1 " جَاءَ " (jā'a) kepada maṣḍarnya yang tepat. Seramai 42 orang pelajar yang menduduki ujian ini tetapi hanya 10% dari keseluruhan yang berjaya menjawab dengan betul. Ini menunjukkan 90% dari kalangan mereka gagal memberi jawapan yang tepat. Pencapaian ini menjadi sebab penulis membuat rumusan bahawa kelemahan ini adalah berpunca dari kurang pembacaan bahan-bahan bacaan BA yang diperolehi di dalam analisis borang soal selidik nanti. Penulis berpendapat demikian kerana soalan yang diajukan ini adalah digolongkan sebagai kalimah yang masyhur dan sering didapati dalam bahan bacaan.

Kalimah fi'1 " عَادَ " ('āda) juga diberikan kepada pelajar dalam soalan bab ini namun tahap kegagalan masih tinggi. Peratusan yang diperolehi adalah sebanyak 62% tidak dapat memberikan jawapan yang sejajar dengan wazannya yang betul iaitu jumlah pelajar tersebut mencapai 26 orang. Bagi kalimah fi'1 " صَرَخَ " "

(ṣarakha) pula terdapat 79% kesilapan dan kalimah " حكي " (ḥaka) gagal dijawab seramai 76% pelajar.

Setelah dianalisis berdasarkan dapatan kajian menunjukkan pelajar yang mewakili pelajar Kolej Islam Darul Ridzuan ini berada di tahap lemah dalam pembentukan plot maṣdar bagi fi'1 thulāthī mazīd.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kelemahan ini yang akan dijelaskan penulis pada bahagian yang akan datang.



Rajah 4.1.1.3: Carta Keputusan Bahagian Pertama.

2) Bahagian 2: Maṣdar Kepada Fi'1

Seperti di dalam soalan bahagian pertama pelajar diutarakan 5 soalan berkaitan perubahan maṣdar kepada fi'1 māḍi. Soalan ini adalah untuk melihat keupayaan pelajar menukarkan dari plot maṣdar kepada plot fi'1 māḍi berdasarkan apa yang telah dipelajari oleh pelajar di dalam kelas.

Maklumat keputusan pelajar adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 4.1.1.4: Keputusan Bahagian Kedua.

Bil	Pencapaian	Bilangan pelajar	Peratus
1	Markah 0/5	4	10%
2	Markah 1/5	1	2%
3	Markah 2/5	1	2%
4	Markah 3/5	2	5%
5	Markah 4/5	10	24%
6	Markah 5/5	24	57%

Jadual di atas mempamerkan keputusan yang diperolehi oleh pelajar dalam menukarkan dari plot maşdar kepada plot fi‘l māđinya. Berdasarkan lima soalan yang dikemukakan para pelajar secara keseluruhannya berjaya melakukan penukaran. Ini adalah kerana peratusan pelajar yang berjaya mencapai 3/5 markah ke atas mencapai 86% dari jumlah kesemua pelajar.

Ia menunjukkan pelajar yang mencapai tahap lulus seramai 36 orang. Secara terperinci seramai 2 orang mencapai 3/5 markah, manakala seramai 10 orang mencapai 4/5 markah dan pencapaian yang teramai adalah 5/5 iaitu seramai 24 orang berjaya menjawab dengan betul bagi semua soalan berkaitan perubahan maşdar kepada fi‘l .

Walaupun begitu terdapat 14% pelajar yang gagal mencapai tahap lulus iaitu hanya mencapai 2/5 markah dan ke bawah. Bilangan tersebut adalah seramai 1 orang yang mendapat 2/5 markah dan 1/5 markah manakala seramai 4 orang gagal menjawab semua soalan dengan betul.

Keputusan ujian ini menunjukkan sebilangan besar pelajar berupaya menjawab soalan ini dengan tepat. Ini menunjukkan kefahaman telah dicapai oleh para pelajar. Iaitu mengetahui perubahan tersebut berdasarkan bacaan dan bukan mengubah mengikut wazan-wazan yang tertentu.

Secara terperinci peratusan kegagalan berada di bawah 41% bagi setiap soalan. Bagi soalan yang pertama iaitu penukaran kalimah maşdar " قِرَاءَةٌ " (qirā'ah) kepada fi'l māḍi menunjukkan sebanyak 86% pelajar berjaya menjawab dengan tepat. Peratusan ini dicapai di dalam jawapan soalan yang kedua iaitu penukaran " زِرَاعَةٌ " (zirā'ah) juga. Soalan yang berikut iaitu ketiga dan kelima penukaran maşdar " نَجَاحٌ " (najāḥun) dan " ظُهُورٌ " (zuhūrun) masing-masing hanya terdapat 17% kesilapan.

3) Bahagian 3: Fi'l Maşdar Thulāthī Mazīd 1 Huruf

Antara soalan yang diberikan kepada pelajar adalah berkaitan maşdar bagi fi'l thulāthī mazīd 1 huruf. Soalan ini dikemukakan dengan pilihan jawapan iaitu sebanyak 3 soalan yang diberikan kepada pelajar. Soalan itu menguji kemampuan pelajar menukarkan maşdar kepada fi'l thulāthī mazīd 1 huruf. Setiap soalan dibekalkan pilihan jawapan. Hanya satu jawapan yang betul diberikan bagi melihat kemampuan pelajar dalam penukaran ini.

Keputusan ujian dalam bahagian ini adalah seperti dibawah:

Jadual 4.1.1.5: Keputusan Bahagian Ketiga.

Bil	Pencapaian	Bilangan pelajar	Peratus
1	Markah 0/3	10	24%
2	Markah 1/3	12	29%
3	Markah 2/3	14	33%
4	Markah 3/3	6	14%

Berpandukan jadual di atas, pemahaman pelajar terhadap penukaran fi'1 māḍi thulāthī mazīd satu huruf kepada maṣḍar juga adalah di tahap lemah. Ini adalah kerana hanya 47% pelajar yang berjaya mencapai 2/3 markah dan 3/3 markah walaupun contoh jawapan telah diberikan. Secara terperinci seramai 14 orang pelajar yang mendapat markah 2/3 dan markah 3/3 hanya 6 orang iaitu 14% dari keseluruhan pelajar.

Kelemahan adalah dilihat dari pencapaian responden kepada markah 0/3 dan 1/3. Sebanyak 53% pelajar yang mencapai tahap ini iaitu seramai 10 orang pelajar yang tidak dapat menjawab semua soalan berkaitan bab ini manakala sebanyak 29% pelajar dari bilangan semua responden hanya dapat menjawab 1 sahaja soalan dengan betul.

Soalan ini dianalisis mengikut kalimah-kalimah yang diberikan. Hasil darinya penulis mendapati dalam bab ini soalan yang pertama iaitu penukaran fi'1 atas wazan " أَفْعَلْ " (af'ala) iaitu fi'1 nya " أَذْخَلَ " ('adkhala) terdapat 55% kesilapan iaitu seramai 23 orang responden gagal menjawab dengan tepat.

Soalan kedua pula iaitu binaan maṣḍar atas wazan " فَعَّلَ " (fa‘‘ala) bagi kalimah " قَدَّمَ " (qaddama) pula menunjukkan peratusan yang sama rata iaitu sebanyak 50% gagal dan 50% lulus atau berjaya menjawab soalan ini.

Soalan berikutnya dibentuk di atas wazan " فَاعَلَ " (fā‘ala) iaitu kalimah " جَادَلَ " (jādala) pula mengalami peratusan pencapaian yang sama dengan soalan yang pertama iaitu sebanyak 55% membuat kesalahan dan ini menunjukkan hanya 45% lulus menjawab soalan ini.

Walaupun bilangan pelajar yang gagal dan yang lulus hampir sama namun apabila dikaji dengan mengaitkan soalan yang diberikan disertakan dengan jawapan maka ini menunjukkan sebilangan pelajar masih tidak jelas dalam memilih jawapan yang tepat. Ia menunjukkan kepada kekeliruan yang dihadapi dikalangan pelajar walaupun bagi maṣḍar fi‘l thulāthī mazīd dengan satu huruf.

Soalan berkaitan bab ini dikuatkan lagi dengan soalan yang berkaitan iaitu soalan penukaran dari plot maṣḍar kepada plot fi‘l māḍi yang sesuai. Soalan ini juga diberi jawapan sebagai pilihan kepada pelajar untuk mengingati plot fi‘l māḍi yang manakah merupakan fi‘l asal bagi maṣḍar tersebut.

4) Bahagian 4: Fi‘l Maṣḍar Thulāthī Mazīd 2 Huruf.

Penulis terus mengemukakan soalan berkaitan penukaran plot maṣḍar kepada fi‘l māḍi. Soalan ini melibatkan penukaran fi‘l thulāthī mazīd dengan 2 huruf.

Sepertimana soalan-soalan yang lepas pelajar diberikan soalan dan pilihan jawapan bagi setiap soalan yang dikemukakan. Sebanyak 5 soalan yang diedarkan bagi menilai keupayaan pelajar di dalam bab ini.

Analisis keputusan adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 4.1.1.6 : Keputusan Bahagian Keempat.

Bil	Pencapaian	Bilangan pelajar	Peratus
1	Markah 0/5	3	7%
2	Markah 1/5	6	14%
3	Markah 2/5	7	17%
4	Markah 3/5	11	26%
5	Markah 4/5	10	24%
6	Markah 5/5	5	12%

Bersandarkan kepada jadual di atas, pencapaian pelajar adalah lebih baik dari soalan yang lepas. Pernyataan ini dikuatkan dengan peratusan pelajar yang berjaya mendapat markah 3/5 ke atas. Secara keseluruhan seramai 26 orang pelajar yang mencapai tahap tersebut. Dari jumlah 26 orang pelajar tadi sebanyak 26% dari jumlah keseluruhan mendapat markah 3/5, 24% dari jumlah keseluruhan mendapat markah 4/5 iaitu seramai 10 orang, manakala 5 orang mendapat markah tertinggi dalam ujian bab ini.

Bagi pelajar yang tidak mencapai tahap lulus iaitu tidak berjaya mencapai markah 3/5 ke atas adalah sebanyak 38% dari jumlah keseluruhan responden. Mereka ini adalah terdiri dari 7 orang pelajar yang markah 2/5, 6 orang pelajar yang mendapat markah 1/5 dan 3 orang pelajar yang gagal menjawab sebarang soalan

dengan betul dalam bab ini. Keseluruhan dari peratusan ini seramai 16 orang pelajar yang dianggap gagal dalam bab tersebut.

Secara terperinci soalan ini memuatkan lima wazan fi'1 thulāthī mazīd dua huruf. Setiap wazan diwakili oleh satu soalan. Soalan yang pertama iaitu binaan maṣdar bagi fi'1 di atas wazan " اِنْفَعَلَ " (infa'ala) . Bagi soalan ini seramai 28 orang pelajar berjaya memilih jawapan yang tepat bagi maṣdar fi'1 " اِنْقَطَعَ " (inqata'a). Soalan kedua iaitu soalan berdasarkan wazan " اِفْتَعَلَ " (ifta'ala) menunjukkan hanya 19% gagal meletakkan jawapan maṣdar yang betul bagi fi'1 " اِجْتَمَعَ " (ijtima'a). Soalan ini merupakan soalan yang paling banyak dari segi peratusan pelajar yang berjaya menjawab dengan betul iaitu 81%.

Soalan yang ketiga iaitu penukaran fi'1 " اِحْمَرَّ " (ihmarra) yang dibina di atas wazan " اِفْعَلَّ " (if'alla) menunjukkan kesilapan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar dalam bab ini. Kegagalan mencapai 62% iaitu seramai 26 pelajar tidak dapat menjawab dengan betul.

Seterusnya dua wazan yang mendapat peratusan yang sama dari segi kesilapan adalah wazan " تَفَعَّلَ " (tafa'ala) dan " تَفَاعَلَ " (tafā'ala). Seramai 19 orang

atau 45% dari keseluruhan responden gagal meletakkan jawapan yang betul bagi fi'1 " تَقَدَّمَ " (taqaddama) dan " تَعَاوَنَ " (ta'āwana).

5) Bahagian 5: Fi'1 Maṣḍar Thulāthī Mazīd 3 Huruf.

Soalan yang diutarakan berkaitan penukaran plot maṣḍar kepada fi'1 māḍi thulāthī mazīd dengan 3 huruf. Bentuk soalan adalah obejktif iaitu disediakan pilihan jawapan bagi setiap soalan. Pencapaian pelajar dalam bab ini adalah seperti dibawah.

Jadual 4.1.1.7: Keputusan Bahagian Kelima.

Bil	Pencapaian	Bilangan pelajar	Peratus
1	Markah 0/2	6	14%
2	Markah 1/2	20	48%
3	Markah 2/2	16	38%

Keputusan yang diperolehi oleh para pelajar berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa hanya 38% dari keseluruhan responden yang menjawab berjaya menjawab kesemua jawapan dengan betul dan tepat iaitu seramai 16 orang. Manakala markah ½ paling ramai yang hanya dapat menjawab satu soalan dengan betul dari kesemua soalan iaitu seramai 20 orang. Ini menunjukkan bahawa pelajar masih tidak dapat menguasai sepenuhnya kemahiran menukar plot fi'1 māḍi thulāthī mazīd 3 huruf kepada maṣḍar walaupun dianggap mudah kerana tidak banyak plot yang terdapat dalam bab ini. Kelemahan ini dilihat ketara apabila

terdapat sebanyak 14% dari kesemua responden gagal menjawab walau satu soalan dengan betul.

Terdapat dua soalan yang diajukan kepada responden untuk mewakili bab ini. Soalan tersebut masing-masing mewakili wazan yang tertentu iaitu wazan " " اِسْتَفْعَل (istaf'ala) dan wazan " اِفْعَوْل " (if'aw'ala). Bagi soalan berkaitan fi'l " " اِسْتَعْفَرَ (istaghfara) menunjukkan hanya 17% kesalahan. Manakala soalan bagi fi'l " " اِعْشَوْشَب " (i'shawshaba) pula terdapat 57% kesilapan. Keputusan ini menunjukkan dua keputusan yang berbeza.

Bahagian 6: Fi'l Maṣdar Rubā'ī.

Soalan yang berkaitan bab ini dikemukakan dalam bentuk subjektif iaitu pelajar dikehendaki menulis wazan setiap maṣdar fi'l rubā'ī. Sebanyak 5 soalan dibekalkan bagi melengkapkan soalan bab ini. Soalan ini di anggap sukar kerana tiada pilihan jawapan yang diberikan. Pelajar dikehendaki mengingat wazan-wazan yang telah dipelajari dengan melihat maṣdar-maṣdar yang diberikan sebagai panduan.

Markah yang diperolehi oleh pelajar adalah seperti jadual 4.1.1.8 di bawah:

Jadual 4.1.1.8: Keputusan Bahagian Keenam.

Bil	Pencapaian	Bilangan pelajar	Peratus
1	Markah 0/5	13	31%
2	Markah 1/5	4	10%

3	Markah 2/5	10	24%
4	Markah 3/5	5	12%
5	Markah 4/5	8	19%
6	Markah 5/5	2	5%

Setelah dianalisis penulis mendapati kesimpulan berdasarkan jadual di atas iaitu seramai 13 orang responden gagal menjawab dengan tepat bagi setiap soalan yang diberikan. Jumlah ini merupakan bilangan yang tertinggi dari kesemua responden yang menduduki ujian ini.

Bagi pelajar yang memperolehi markah 1/5 pula sebanyak 10% dari jumlah pelajar keseluruhan dan bagi responden yang memperolehi 2/5 markah pula seramai 10 orang iaitu 24% dari jumlah responden keseluruhan. Ini menunjukkan kepada seramai 27 orang responden gagal dalam ujian bab ini. Pelajar yang mencapai markah 2/5 dan ke bawah dianggap gagal dan peratusan mereka mencapai 65% dari kesemua responden yang menduduki ujian ini.

Namun begitu masih terdapat pelajar yang dianggap lulus dalam ujian bab ini iaitu bilangan mereka seramai 15 orang pelajar. Mereka adalah responden yang berjaya mencapai markah 3/5 dan keatas. Secara peratusan sebanyak 35% sahaja yang mencapai tahap ini.

Pencapaian ini iaitu seramai 5 orang responden yang mendapat markah 3/5. Manakala markah 4/5 iaitu pelajar yang hanya gagal menjawab satu soalan dari kesemua soalan bab ini seramai 8 orang. Pelajar yang di anggap cemerlang iaitu berjaya menjawab kesemua soalan bab ini dengan betul seramai 2 orang iaitu 5% sahaja dari jumlah kesemua pelajar yang menjadi responden ujian ini.

Berdasarkan soalan dalam bab ini, setiap soalan mewakili wazan-wazan yang berbeza. Bagi soalan yang pertama di atas fi'1 " تَرْجَمَةٌ " (tarjamatun) seramai 20 orang responden gagal membina wazan bagi maṣḍar yang diberikan. Seterusnya soalan kedua menunjukkan sebanyak 45% pelajar tidak dapat membina wazan bagi kalimah " جَلْبَابٌ " (jilbābun) atau " جَلْبِيَّةٌ " (jalbabatun) .

Soalan yang berikutnya iaitu kesilapan bagi membina wazan bagi maṣḍar " حَوْقَلٌ (ḥawqala) adalah sebanyak 67%. Diikuti pula dengan soalan yang berikutnya bagi maṣḍar " دَحْرَجَةٌ " (dahrajatun) pula menunjukkan 64% responden melakukan kesalahan. Soalan yang terakhir iaitu pembinaan wazan maṣḍar bagi kalimah " سَيْطَرَةٌ " (saiṭaratun) adalah merupakan soalan yang paling tinggi peratusan responden yang gagal iaitu sebanyak 74%.Keputusan ini menunjukkan pencapaian pelajar dalam memahami wazan maṣḍar bagi fi'1 rubā'ī adalah lemah.

6) Bahagian 7: Terjemahan Huruf Imbuhan

Antara perkara yang dianalisis oleh penulis hasil dari ujian ini adalah soalan berkaitan pencapaian pelajar terhadap kemahiran penterjemahan bagi fi'1 māḍi thulāthī mazīd. Soalan ini adalah berkaitan kemahiran pelajar mendapatkan maksud yang sesuai bagi setiap maṣḍar yang terhasil dari plot-plot fi'1 ini.

Sebanyak 5 soalan diberikan kepada pelajar berkaitan bab ini. Iaitu setiap soalan diberikan dalam bentuk ayat atau jumlah. Berdasarkan ayat yang diberikan

penulis menggariskan satu fi'1 thulāthī sebagai tanda kepada soalan yang perlu diterjemahkan berpandukan kontek ayat.

Keputusan analisis disusun di dalam jadual di bawah.

Jadual 4.1.1.9: Keputusan Bahagian Ketujuh.

Bil	Pencapaian	Bilangan pelajar	Peratus
1	Markah 0/5	7	17%
2	Markah 1/5	9	21%
3	Markah 2/5	10	24%
4	Markah 3/5	8	19%
5	Markah 4/5	7	17%
6	Markah 5/5	1	2%

Setelah di analisis oleh penulis dapatlah diperincikan sepertimana tertera di dalam jadual di atas. Pencapaian pelajar pada tahap ini yang di anggap lulus hanya seramai 16 orang dari jumlah keseluruhan responden. Pelajar-pelajar ini adalah responden yang berjaya mencapai 3/5 markah dan keatas.

Sebanyak 19% responden memperolehi 3/5 markah. Bagi yang memperolehi 4/5 markah pula adalah seramai 7 orang dan hanya terdapat seorang pelajar yang berjaya menjawab kesemua soalan dalam bab ini dengan betul dan tepat.

Selain dari jumlah yang disebut penulis di atas dianggap gagal. Ini adalah kerana pencapaian responden dari markah 2/5 dan kebawah. Jumlah yang gagal ini mencapai seramai 26 orang iaitu sebanyak 62%. Ini menunjukkan sebilangan besar dari kesemua responden gagal menguasai bab ini dengan baik. Peratusan ini adalah terdiri dari pelajar yang mendapat 2/5 markah seramai 10 orang. Seramai 9 orang hanya berupaya menjawab satu soalan sahaja dengan betul manakala baki dari

jumlah pelajar gagal ini tidak dapat menjawab walaupun satu soalan dengan betul iaitu seramai 7 orang.

Secara terperinci diterangkan di dalam jadual 4.1.1.10 di bawah

Jadual 4.1.1.10: Keputusan Bahagian Kelapan.

Bil	Soalan	Bilangan Pelajar yang melakukan kesilapan	Peratus
1	أخرج محمد الكتاب من حقييته	9	21%
2	قاتل أميرك وعراق	18	43%
3	فرّح الولد والديه	31	74%
4	انفتح الباب بذاته	23	55%
5	تعامل المدرس والطالب في الفصل	38	90%

Soalan pertama menunjukkan pelajar kurang melakukan kesalahan dalam penterjemahan fi'1 yang dibina di atas wazan " أفعل " (af'ala) , ini kerana 79% dari bilangan keseluruhan responden berjaya menterjemah kalimah ini dengan betul dan tepat mengikut konteks ayat. Bagi soalan kedua pula, penterjemahan terhadap fi'1 atas wazan " فاعل " (fā'ala) menunjukkan pencapaian yang menurun iaitu sebanyak 43% responden telah melakukan kesilapan dalam penterjemahan.

Kesilapan meningkat dalam penterjemahan fi'1 atas wazan " فعّل " (fa'ala) iaitu dari fi'1 " فرّح " (farraḥa) sebanyak 74% orang pelajar dalam soalan yang

ketiga. Diikuti soalan yang berikutnya, kesilapan yang dikenal pasti sebanyak 23 orang. Kesalahan yang paling ketara dilakukan oleh responden adalah penterjemahan fi'1 di atas wazan " تَفَاعَلَ " (tafā'ala) iaitu sebanyak 90% dari bilangan keseluruhan responden gagal memberikan terjemahan yang betul dalam soalan ini.

7) Bahagian 8: Maşdar Mīmī.

Seperti soalan-soalan yang lepas, pelajar dihidangkan dengan 5 soalan yang berkaitan dengan bab ini. Setiap pelajar harus menjawab soalan dengan menukarkan kesemua fi'1 māḍi kepada maşdar Mīmī. Pelajar dikehendaki mengingati sendiri plot-plot maşdar Mīmī bagi membuat penukaran ini dengan sendiri. Ini kerana pilihan jawapan tidak disertakan bagi menyelesaikan masalah ini.

Analisis pencapaian responden dalam bab ini adalah seperti jadual dibawah.

Jadual 4.1.1.11: Keputusan Bahagian Kesembilan.

Bil	Pencapaian	Bilangan pelajar	Peratus
1	Markah 0/5	8	19%
2	Markah 1/5	2	5%
3	Markah 2/5	0	0%
4	Markah 3/5	7	17%
5	Markah 4/5	6	14%
6	Markah 5/5	19	45%

Hasil yang diperolehi bersandarkan analisis penulis yang dipamerkan di dalam jadual di atas adalah menunjukkan kepada tahap kemampuan pelajar dalam bab ini dianggap baik. Ini kerana pelajar yang dianggap lulus berdasarkan jadual di

atas mencapai bilangan seramai 32 orang. Bilangan ini menunjukkan sebilangan besar pelajar berjaya memahami bab ini dengan baik.

Pencapaian ini dilihat dari markah yang diperolehi adalah 3/5 dan ke atas. Secara keseluruhan sebanyak 76% pelajar berupaya mengubah fi'l māḍi kepada maṣḍar Mīmī. Kesimpulan ini dikuatkan lagi dengan peratusan yang paling besar diperolehi oleh pelajar yang berjaya menjawab kesemua soalan dengan betul iaitu seramai 19 orang pelajar dari 42 pelajar yang menjawab soalan dalam bab ini. Seramai 6 orang pula hanya melakukan satu kesalahan dari kesemua soalan dan 17% iaitu 7 orang mendapat markah 3/5 dalam soalan ini.

Walaupun begitu masih terdapat pelajar yang lemah atau gagal mendapat markah 3/5 dan keatas. Sebanyak 24% di anggap gagal atau berada ditahap lemah dalam bab ini. Pelajar ini adalah responden yang hanya dapat menjawab satu soalan dengan betul seramai 2 orang. Manakala seramai 8 orang tidak dapat menjawab walau satu soalan dengan betul dalam bab ini. Ini menunjukkan sebanyak 19% amat lemah dalam penukaran plot ini.

Analisis berkaitan setiap soalan, bagi soalan pertama hanya 21% yang gagal menjawab plot maṣḍar Mīmī dengan betul. Peratusan ini sama di dalam soalan yang kedua iaitu perubahan bagi kalimah " فَسَدَ " (fasada) kepada maṣḍar . Manakala bagi penukaran bagi kalimah " إِقَامَةٌ " (iqāmatan) dan " هَلَكَ " (halaka) juga menunjukkan peratusan yang sama iaitu sebanyak 31% telah melakukan kesilapan dalam pembentukan plot maṣḍar Mīmī. Soalan kelima iaitu bagi kalimah " رَأَى "

(ra'a) menunjukkan kepada peratusan yang paling tinggi dalam soalan bab ini iaitu sebanyak 45% gagal. Secara keseluruhan pencapaian pelajar yang menjawab semua soalan dengan tepat adalah sekitar 55% dan keatas. Ini menunjukkan sebahagian besar pelajar mampu mengubah plot maşdar kepada maşdar Mīmī.

4.2 ANALISIS BORANG SOAL SELIDIK.

Seterusnya penulis menganalisis terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keputusan ini dan akan diterangkan melalui analisis terhadap borang soal selidik yang diberikan kepada responden.

4.2.1 Keputusan Ujian Berdasarkan Jantina.

Sekiranya diperincikan mengikut jantina hasil dapatan kajian menunjukkan keputusan pencapaian pelajar perempuan lebih baik berbanding dari pelajar lelaki. Ini adalah kerana terdapat seorang pelajar perempuan yang berjaya mencapai tahap sangat baik iaitu mencapai tahap markah 80% keatas manakala tidak ada pelajar lelaki yang mencapai tahap tersebut.


Jadual 4.2.1.1: Keputusan Ujian Berdasarkan Jantina

Bil	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Bilangan Pelajar	Keputusan
1	0	1	1	80 – 100
2	2	9	11	60 – 79
3	7	14	21	40 – 59
4	0	5	5	20 – 39
5	2	2	4	0 - 19
6	JUMLAH 11	JUMLAH 31		

Merujuk kepada jadual di atas pada tahap cemerlang hanya diperolehi oleh seorang responden perempuan sahaja. Bagi tahap sangat baik pula, seramai 2 orang responden lelaki

dan 11 orang responden perempuan. Tahap yang seterusnya iaitu baik diperolehi paling banyak di kalangan kedua-dua jantina iaitu 7 orang dari responden lelaki dan 14 orang dari responden perempuan. Jadual juga menunjukkan terdapat 5 orang responden perempuan sahaja yang mencapai tahap lemah manakala bagi tahap sangat lemah masing-masing diwakili oleh 2 orang bagi setiap jantina.

Jadual berikutnya menunjukkan peratusan mengikut jantina terhadap keputusan ujian.



Rajah 4.2.1.2: Peratusan Keputusan Ujian Berdasarkan Jantina

Berdasarkan jadual di atas pencapaian responden perempuan lebih baik kerana seorang pelajar perempuan berjaya mencapai tahap yang terbaik atau cemerlang iaitu sebanyak 3%. Manakala 16% bagi pencapaian tahap sangat baik dan 45% mencapai tahap baik. Ia menunjukkan seramai 77% pelajar perempuan mencapai tahap lulus dalam ujian ini. Baki dari bilangan ini adalah gagal di mana sebanyak 16% responden perempuan mencapai tahap lemah dan 6% mencapai tahap sangat lemah.

Bagi pelajar lelaki pula, walaupun tiada responden yang mencapai tahap sangat baik namun peratusan lulus di kalangan pelajar lelaki lebih baik dari pelajar perempuan. Sebanyak 18% responden lelaki yang mendapat tahap sangat baik dan sebanyak 64% responden lelaki yang memperolehi markah tahap baik. Ini menjadikan jumlah peratusan lulus di kalangan pelajar lelaki mencapai 82% iaitu melebihi 5% dari bilangan lulus pelajar perempuan. Bagi pencapaian yang di anggap gagal dalam ujian ini adalah sebanyak 18%. Responden lelaki yang gagal dalam ujian ini memperolehi markah tahap sangat lemah.

Walaupun dalam borang soal selidik ini memaparkan perbezaan keputusan antara jantina tidak setara iaitu peratusan berdasarkan bilangan yang berlainan. Dapatan ini hanya ingin menunjukkan situasi lokasi kajian dilakukan. Perkara yang ingin dikaji oleh penulis hanyalah penguasaan secara keseluruhan antara responden tanpa mengira jantina terhadap topik Maşdar.

4.2.2 Keputusan Ujian Berkaitan Tempoh Pembelajaran.


Borang soal selidik ini mengkaji pencapaian pelajar berdasarkan tempoh pembelajaran. Pengkaji menetapkan tahap tempoh pembelajaran mengikut tahun iaitu 1 tahun, 2 tahun, 3 tahun dan 4 tahun keatas. Hasil dari borang soal selidik ini menunjukkan bahawa 2% dari pelajar hanya belajar selama 1 tahun, manakala sejumlah yang besar dari keseluruhan responden berpengalaman mempelajari BA selama 4 tahun. Keputusan mengikut peratus adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 4.2.2.1: Keputusan Ujian Berkaitan Tempoh Pembelajaran.

Bil	1 Tahun	2 Tahun	3 Tahun	4 Tahun	Keputusan
1	0	0	0	1	80 – 100
2	0	3	3	5	60 – 79
3	0	2	7	12	40 – 59
4	0	1	1	2	20 – 39
5	1	2	0	2	0 - 19
	2%	19%	26%	52%	

Secara terperinci seramai 22 orang pelajar telah mempelajari BA melebihi 4 tahun, 11 orang pelajar pula menjawab 3 tahun dan pelajar yang telah mempelajari BA selama 2 tahun seramai 8 orang. Keputusan pencapaian pelajar dalam ujian ini membuktikan bahawa pelajar yang mempelajari BA melebihi 4 tahun lebih baik berbanding pelajar yang belajar BA dalam waktu yang singkat.

4.2.3 Peratusan Minat Di Kalangan Pelajar.



Rajah 4.2.3.1: Peratusan Minat Di Kalangan Pelajar.

Jadual di atas menunjukkan sejauh mana minat pelajar terhadap BA. Kajian dibuat berdasarkan borang soal selidik yang mengkaji tahap minat pelajar. 96% menunjukkan pelajar meminati mempelajari BA. Iaitu bilangan pelajar yang sangat minat terhadap BA seramai 19 orang manakala yang menjawab minat seramai 21 orang iaitu sebanyak 51%. Bagi yang menjawab minat tahap sederhana pula adalah sebanyak 2% bersamaan dengan pelajar yang menjawab kurang minat iaitu seorang pelajar.

4.2.4 Peratusan Kesedaran Tujuan Belajar Bahasa Arab.

Pengkaji juga melihat pencapaian pelajar berdasarkan sebab belajar ini kerana sebab memainkan peranan yang utama dalam melihat pencapaian pelajar. Keputusan soal selidik tersebut dilakarkan di dalam jadual di bawah:




Rajah 4.2.4.1: Peratusan Kesedaran tujuan belajar.

Seramai 10 orang pelajar menjawab sebab mempelajari BA adalah kerana keperluan untuk mendalami buku buku kuliah yang menggunakan BA sebagai bahasa pengantar.

Sebanyak 45% pula pelajar yang menjawab soal selidik ini atas dasar minat. Manakala sebanyak 31% menjawab bahawa penting bagi seorang pelajar islam untuk mengetahui BA. Dalam carta ini juga menunjukkan bahawa tiada seorang pun pelajar yang menjawab tidak tahu mengenai sebab mempelajari bahasa ini. Ini menunjukkan bahawa para pelajar jelas sebab atau faktor untuk mendalami bahasa ini.

4.2.5 Peratusan Dorongan Mempelajari Bahasa Arab.




Rajah 4.2.5.1: Peratusan dorongan mempelajari BA.

Borang soal selidik yang diberikan kepada responden juga mengemukakan soalan yang berkaitan dorongan pelajar untuk mempelajari BA. Berdasarkan jadual di atas seramai 11 orang pelajar di dorong oleh ibu bapa untuk mempelajari BA. Bagi pelajar yang didorong oleh minat sendiri terhadap BA adalah seramai 14 orang. Manakala 3% responden didorong oleh rakan-rakan dan 10% dari jumlah keseluruhan menjawab lain-lain.

4.2.6 Tempat Mula Belajar Bahasa Arab.

Bagi memperolehi data latar belakang responden, penulis menyediakan soalan berkaitan institusi pembelajaran yang telah menyediakan pembelajaran BA sama ada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah atau dari kolej. Maklumat ini perlu untuk melihat berapakah tempoh pelajar telah mengenali BA.




Rajah 4.2.6.1: Tempat mula belajar.

Carta yang dipamerkan di atas menyatakan bahawa 17 orang responden hanya mengenali dan mempelajari BA di Kolej iaitu di mana pusat pendidikan yang sedang dipelajari oleh responden sekarang. Ia merupakan bilangan tertinggi dari jawapan yang lain. Seterusnya jawapan kedua tertinggi iaitu sekolah rendah di mana pelajar atau responden telah mempelajari bahasa ini sejak dari sekolah rendah dan bilangan responden yang bermula belajar BA di sekolah menengah seramai 11 orang. Tiada seorang responden yang menjawab tidak pasti bagi soalan ini.

4.2.7 Faktor Membaca Bahan Bacaan Bahasa Arab.

Jadual 4.2.7.1 di bawah menunjukkan motif atau tujuan pelajar untuk membaca bahan bacaan BA.




Rajah 4.2.7.1: Faktor membaca bahan bacaan.

Berdasarkan analisis yang diperolehi tujuan bagi kebanyakan pelajar membaca bahan BA adalah untuk meningkatkan kemahiran sama ada dari sudut pembacaan mahupun memahami makna perkataan. Bilangan responden yang menjawab dengan jawapan ini mencapai 71% dari bilangan keseluruhan iaitu seramai 30 orang. Bagi pilihan jawapan kedua iaitu membaca atas dasar minat adalah seramai 2 orang. Peratusan kedua tertinggi bagi soalan ini adalah pelajar yang menjawab jawapan ketigasebagai sebab membaca bahan bacaan BA sebanyak 21%. Manakala terdapat seorang pelajar menjawab tidak pernah membaca bahan bacaan BA.

4.2.8 Jenis bahan bacaan bahasa Arab.

Tinjauan berikutnya iaitu soal selidik berkaitan jenis bacaan yang sering menjadi tumpuan pelajar di dalam meningkat kemahiran.




Rajah 4.2.8.1: Jenis bahan bacaan.

Jadual di atas menunjukkan bahawa bahan bacaan yang mendapat undian terbanyak di kalangan responden ialah jawapan terakhir iaitu 'Kitab kuliah dan bahan bacaan yang lain'. Seramai 31 orang menjawab jawapan ini iaitu sebanyak 74% dari bilangan seluruh responden. Bagi pilihan jawapan kedua terbanyak iaitu 14% ialah bahan bacaan dari kitab-kitab kuliah sahaja. Manakala bagi jawapan bahan bacaan majalah dan akhbar mendapat 7% dan pilihan jawapan paling rendah iaitu bahan bacaan Al-Quran sahaja seramai 2 orang.

4.2.9 Kekeperan membaca majalah dan akhbar bahasa Arab.

Di dalam borang soal selidik ini juga diberikan soalan berkaitan kekeperan pelajar membaca bahan bacaan dari majalah dan akhbar BA.




Rajah 4.2.9.1: Kekeperan membaca majalah dan akhbar BA.

Keputusan analisis bagi soalan ini dipamerkan di dalam jadual di atas. Menurut jadual ini jawapan yang mendapat peratusan yang tinggi adalah 48% iaitu menunjukkan bahawa sebilangan besar responden hanya kadang-kadang membaca bahan bacaan yang disebut di atas. Bagi responden yang menjawab sederhana kadar kekeperan membaca bahan bacaan BA dari majalah dan akhbar BA seramai 16 orang. Hanya terdapat 2 orang responden yang kerap membaca bahan bacaan ini manakala responden yang tidak pernah membaca bahan ini pula seramai 4 orang iaitu 10% dari bilangan keseluruhan.

4.2.10 Keperapan menonton rancangan bahasa Arab.

Jadual di bawah mempamerkan keputusan berkaitan kekerapan pelajar yang menonton rancangan televisyen berkaitan BA.




Rajah 4.2.10.1: Keperapan menonton rancangan BA.

Dapatan kajian dari soal selidik ini ialah sebanyak 29% bilangan pelajar yang menjawab sederhana sebagai ukuran kekerapan pelajar menonton rancangan berkaitan BA. Pilihan jawapan kadang-kadang pula merupakan bilangan terbesar responden iaitu seramai 26 orang. Pilihan jawapan yang terakhir mencapai 10 peratus iaitu seramai 4 orang responden tidak pernah menonton rancangan BA dan tiada responden yang menjawab selalu sebagai ukuran kekerapan bagi soalan ini.

4.2.11 Keperapan melayari laman web bahasa Arab.

Di dalam borang soal selidik ini juga pengkaji mengutarakan soalan yang berkaitan kekerapan pelajar melayari laman web BA.




Rajah 4.2.11.1: Kekerapan melayari laman web BA.

Hasil kajian yang diperolehi dari jadual yang dilampirkan di atas iaitu 55% dari bilangan keseluruhan pelajar menjawab pilihan jawapan yang ketiga iaitu kadang-kadang melayari laman web BA. Seramai 13 orang menjawab sederhana sebagai ukuran kekerapan bagi soalan ini merupakan pilihan kedua terbanyak. Jadual di atas juga menunjukkan bahawa jawapan pertama mendapat pilihan bagi 5 orang responden dan terdapat seorang pelajar tidak pernah melayari laman web BA.

4.2.12 Kekerapan menjadi peserta program bahasa Arab.

Soalan yang berikutnya adalah berkaitan penglibatan pelajar terhadap program BA iaitu sebagai peserta. Jadual di bawah mempamerkan bahawa kekerapan sederhana di jawab oleh seramai 21 orang iaitu merupakan pilihan jawapan yang terbanyak dipilih. Sebanyak 31% dari bilangan pelajar menjawab kadang-kadang. Pilihan jawapan ketiga tertinggi


sebagai menunjukkan kekerapan iaitu kadang-kadang menjadi peserta. Hanya 7% iaitu seramai 3 orang sahaja yang kerap atau selalu terlibat sebagai peserta bagi program BA.



Rajah 4.2.12.1: Kekerapan menjadi peserta program BA.

4.2.13 Kekerapan menghadiri program bahasa Arab.


Soal selidik ini menumpukan persoalan berkaitan kekerapan menghadiri program BA. Jadual di bawah memberikan gambaran bahawa 5 orang pelajar sering menghadiri program berkaitan bahasa ini, manakala 45% menjawab sederhana dan 40% atau seramai 17 orang menjawab jawapan pilihan ketiga iaitu kadang-kadang. Terdapat seorang pelajar tidak pernah menghadiri program ini.



Rajah 4.2.13.1: Kekerapan menghadiri program BA.

4.2.14 Kekerapan bertutur dalam bahasa Arab.

Untuk melihat kekerapan pelajar menggunakan BA di dalam pertuturan, pengkaji menyelitkan di dalam borang soal selidik ini soalan berkaitan kekerapan pelajar bertutur di dalam BA.




Rajah 4.2.14.1: Kekerapan bertutur dalam BA.

Jadual di atas mempamerkan keputusan kekerapan pelajar di dalam kemahiran ini. Sebanyak 48% dari bilangan responden menjawab kadang-kadang di dalam penggunaan BA dalam pertuturan. Pilihan jawapan kedua terbanyak dalam soalan ini iaitu kekerapan tahap sederhana mencapai 48% dari jumlah keseluruhan. Hanya 3 orang pelajar sahaja yang kerap menggunakan BA di dalam pertuturan manakala 2 orang tidak pernah menggunakan BA dalam pertuturan seharian mereka.

4.2.15 Kekerapan menghafaz perkataan dalam bahasa Arab.

Menurut pandangan pengkaji salah satu aspek penting dalam pembelajaran BA ialah menghafaz perkataan-perkataan BA untuk menambah perbendaharaan kata. Borang soalselidik ini pelajar dikehendaki memilih jawapan menunjukkan kekerapan mereka di dalam menghafaz perkataan-perkataan ini.



Rajah 4.2.15.1: Kekerapan menghafaz perkataan dalam BA.

Hasil dari analisis yang dibuat, jadual di atas menunjukkan 21 orang menjawab sederhana sebagai ukuran kekerapan mereka menghafaz perkataan BA iaitu merupakan bilangan tertinggi. Sebanyak 38% pelajar dari keseluruhan menjawab pilihan jawapan ketiga iaitu kadang-kadang. Pilihan jawapan yang pertama hanya mencapai 12% manakala tidak ada seorang dari responden yang menjawab jawapan tidak pernah menghafaz.

4.3 ANALISIS TEMUBUAL

Penulis juga menggunakan instrument temubual bagi mendapat data berkaitan pencapaian pelajar di lokasi kajian. Temubual ini dijalankan keatas para pensyarah yang mengajar subjek-subjek BA secara amnya dan mengajar tajuk maşdar secara khususnya. Seramai empat orang pensyarah menjadi responden kepada kajian ini. Soalan temubual ini dipamerkan di dalam lampiran A. Penulis tidak mempamerkan jawapan hasil temubual

secara bertulis kerana segala jawapan yang diperolehi dirakam menggunakan alat perakam MP3. Analisis yang diperolehi oleh penulis adalah seperti berikut.

1. Latar belakang dan pengalaman pensyarah.

Hasil temubual yang dijalankan, seramai 3 orang pensyarah mempelajari BA melebihi 10 tahun ini adalah kerana kebanyakan pensyarah mendapat pendedahan BA bermula dari Sekolah Agama Rakyat atau sekarang dikenali sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

Analisis yang dibuat juga menunjukkan bahawa dua orang dari tenaga pengajar ini lepasan graduan sarjana muda dan tiga orang lepasan graduan sarjana masing-masing dalam bidang BA.

Berkaitan pengajaran dan pembelajaran, hasil kajian memaparkan bahawa semua pensyarah yang bertugas sebagai tenaga pengajar di kolej ini pernah menyertai beberapa siri kursus Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Dari sudut pengalaman pula pensyarah-pensyarah ini berpengalaman mengajar 5 tahun dan lebih.

2. Teknik pengajaran dan alat bantu mengajar.

- a. Pensyarah-pensyarah ini menggabungkan 2 teknik iaitu pendekatan secara tradisional dan moden di mana pendekatan tradisional dengan mengajar dengan system ‘talaqqi’. Dengan sistem ini pensyarah mengajar secara terus dari kitab dan para pelajar akan menadah kitab meneliti tentang apa yang diajarkan oleh pensyarah manakala sistem moden pula pensyarah

menggunakan beberapa jenis alat bantu mengajar bagi menjadikan pembelajaran lebih dinamik.

- b. Alat bantu mengajar di sini termasuklah penggunaan kitab-kitab tambahan, pemain cakera padat dan menyediakan beberapa bentuk kuiz bagi membantu dalam proses pengajaran. Penggunaan alat bantu mengajar elektronik amat kurang digunakan disebabkan beberapa kekangan diantaranya peralatan yang kurang dan sukar untuk diperolehi.

3. Faktor-faktor kelemahan pelajar menurut perspektif pensyarah

- a. Di antara perkara penting yang menyumbang kepada kelemahan pelajar adalah malu. Iaitu pelajar malu untuk menggunakan perkataan di dalam BA dalam pertuturan. Sikap ini muncul adalah disebabkan kekurangan perbendaharaan kata dan lemah di dalam menguasai beberapa kaedah mudah dalam BA.
- b. Faktor kedua pula adalah minat di mana dengan berpandukan reaksi atau respon pelajar dalam kelas dapatlah disimpulkan bahawa kebanyakan pelajar tidak minat terhadap BA. Ini dapat diperhatikan di mana setiap pensyarah menyatakan jawapan ini di dalam sesi temubual.
- c. Tercetus dari kurang minat ini maka terhasil beberapa faktor yang lain iaitu termasuklah sikap malas merujuk kepada kamus untuk mencari maksud sesuatu perkataan BA. Merujuk kamus merupakan satu dari teknik penting dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Sikap tidak endah terhadap teknik ini akan merencatkan kebolehan berbahasa bahasa asing. Ini kerana kekurangan merujuk kepada kamus akan menyebabkan pelajar mengalami masalah kurang perbendaharaan kata.

- d. Semangat untuk mempelajari bahasa amat kurang. Fenomena ini memberi kesan kepada pelajar untuk belajar terutamanya membuat persediaan terlebih dahulu sebelum memasuki kelas. Ia lebih memburukkan keadaan apabila terdapat pelajar yang tidak membuat latihan yang diberi oleh pensyarah untuk melatih dan menguatkan daya ingatan pelajar dalam mempelajari bahasa ini.

4.4 PENUTUP.

Dapatan kajian ini dihasilkan berdasarkan segala instrument yang digunakan oleh penulis. Segala maklumat yang diperolehi dapat menunjukkan keseluruhan permasalahan yang berlaku dan punca-punca yang menjadi sebab kelemahan pelajar. Segala rumusan dan cadangan akan diterangkan penulis dalam bab yang terakhir.